

15/11/2001

Peminjam perlu pastikan mampu bayar balik: Dr M

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengaku bahawa bank kini lebih berhemat memberi pinjaman, menasihatkan peniaga supaya memastikan bahawa mereka berupaya membayar balik sebelum meminjam daripada institusi itu.

"Orang mesti ingat untuk membayar balik pinjaman mereka. Jika tidak yakin mampu berbuat demikian, jangan pinjam," kata Perdana Menteri selepas menghadiri rumah terbuka Deepavali Datuk Seri S Samy Vellu di ibu negara, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh, semasa menggulung perbahasan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat minggu lalu bahawa kementerian menerima laporan bank tidak mengeluarkan pinjaman terutama kepada peniaga dan syarikat kecil.

Shafie berkata, Bank Negara sudah menemui pihak bank dan meminta mereka supaya melonggarkan sedikit syarat supaya tidak terlalu ketat ketika meluluskan permohonan pinjaman. Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, pihaknya sentiasa memberitahu bank supaya mempertimbang pinjaman oleh syarikat dan peniaga kecil tetapi bagi menjamin pemberian pinjaman berhemat, bank mengambil jalan mudah.

"Mereka (bank) tidak mahu mengambil risiko. Apa yang mereka tahu adalah untuk memastikan mereka mendapat keuntungan. Jika peniaga itu (rekod) baik, mereka (peniaga) tidak akan mempunyai sebarang masalah mendapatkan pinjaman.

"Selain daripada bank, kita mempunyai banyak dana yang boleh kita bagi pinjaman," katanya.

Ditanya sama ada tindakan oleh bank itu akan menghalang usaha kerajaan merangsang ekonomi negara, beliau berkata, buat masa kini kerajaan sudah mengambil langkah ke arah itu bukan berdasarkan kepada pinjaman bank saja.

"Sebagai contoh, kontraktor kelas F diberi peruntukan berdasarkan kepada kerja mereka. Mereka buat kerja, mereka dapat duit. Duit sudah ada di situ. Jika tidak buat kerja, maaf... tak ada duit," katanya.

Belanjawan 2002 yang dibentangkan Dr Mahathir di Dewan Rakyat bulan lalu antara lain bagi menggalakkan perbelanjaan dan pelaburan domestik, dalam suasana ekonomi antarabangsa tidak menentu.

Antara strategi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi adalah peningkatan perbelanjaan dalam negara.

(END)